

23/10/2001

Rehda jangka harga hartanah tidak naik

PERSATUAN Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (Rehda) tidak mengunjurkan harga hartanah akan naik segera walaupun banyak andaian menyatakan harga barangan pembinaan akan naik akibat peningkatan harga petrol.

Presiden, Datuk Eddy Chen Lok Loi, berkata kebanyakan projek yang sedang dimajukan ketika ini adalah projek yang sudah lama dimeterai.

Justeru, beliau tidak menjangkakan sebarang kenaikan dalam tempoh antara empat hingga satu tahun lagi, selepas pengumuman kerajaan mengenai kenaikan harga minyak petrol sebanyak 10 sen seliter.

Pengumuman kenaikan harga petroleum seperti yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan Belanjawan 2000 itu dikatakan akan meningkatkan harga barangan pembinaan kerana kos penggunaan petrol merangkumi 30 peratus daripada kos barangan berkenaan.

"Kita belum tahu bila akan menerima sebut harga baru selepas pengumuman itu, tetapi sebarang kenaikan mungkin akan mengambil masa antara tiga, empat hingga setahun memandangkan banyak projek yang sedang dimajukan adalah projek lama.

"Kami (pemaju) bagaimanapun akan cuba untuk mengawal harga rumah yang dibangunkan," kata Chan di sidang media mengenai pencapaian terkini Pameran Perumahan Mapex 2001, anjuran persatuan berkenaan.

Ditanya sama ada kelembapan ekonomi yang dihadapi ketika ini akan menjejaskan jualan hartanah, Chan berkata secara umumnya ekonomi memang pada keadaan yang tidak menggalakkan.

Bagaimanapun, kerajaan sudah memperkenalkan banyak langkah untuk memulih dan melindungi ekonomi negara termasuk menurunkan kadar faedah pada 25 September lalu.

"Kerajaan melakukan banyak perkara untuk menggalakkan perbelanjaan domestik dan pada pendapat saya, langkah menurunkan kadar faedah itu sepatutnya menarik masyarakat untuk membeli rumah," katanya.

Pada masa yang sama, katanya, pemaju turut memperkenalkan banyak insentif dan potongan harga ke atas unit hartanah yang dijual bagi menarik pembeli.

Pengerusi jawatankuasa penganjur Mapex 2001, Mazlan Ali, berkata sejak dimulakan pertengahan Julai lalu hingga kini, Mapex 2001 berjaya mencatatkan jualan RM462 juta hartanah membabitkan 3,287 unit.

(END)